



BE
AWE
SOME
BE
MASS
CO
MM



VOLUME
02

ETIKA KEWARTAWANAN PERANTI: ANTARA LEDAKAN TEKNOLOGI DAN KESAHIHAN BERITA

Oleh : Amirah Hassan @Asan ,Dr Faridah Hanem Ab Rashid, Farah Hazween Amanah, Nurliyana Kamilah Khairul Anuar & Muhammad Azril Izuan Ramlan

Perkembangan teknologi semasa memberi impak yang besar terhadap industri media. Ledakan teknologi yang terus berkembang dari masa ke semasa turut menyumbang kepada kebangkitan mobile journalism (MOJO) atau dikenali sebagai kewartawanan peranti yang mencetuskan revolusi dalam perkembangan medium penyampaian berita dan ia sekaligus memberi peluang kepada pengamal media dan wartawan bagi menggunakan telefon pintar dan peranti lain sebagai alat hebahan bagi menyampaikan berita di media sosial.

Bagaimanapun, perkembangan teknologi ini juga turut menimbulkan rangkaian isu etika dalam kewartawanan peranti bagi mengekalkan integriti dalam bidang kerjaya ini. Antara salah satu kebimbangan utama dalam perihal etika adalah bagi memastikan kredibiliti dan ketepatan dalam pelaporan berita yang disampaikan kepada masyarakat. Hal ini sejajar dengan kepantasan kadar berita yang disampaikan di platform mobile dan media sosial menyebabkan peningkatan risiko menyebarkan berita dan maklumat yang tidak tepat dan sahih.

Oleh yang demikian, wartawan peranti seharusnya teliti dalam prosedur menyemak fakta dengan memastikan kesahihan setiap maklumat berita yang diterima sebelum diterbitkan di mana-mana platform atas talian. Ketelusan maklumat berkenaan sumber dan proses pengumpulan berita juga perlu ditekankan bagi membina kepercayaan dalam kalangan pembaca iaitu masyarakat.

Antara isu etika penting yang lain adalah memperhalusi isu yang sensitif tanpa menyebabkan kemudaratan mana-mana pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Selain itu, kepekaan

terhadap perbezaan budaya juga penting kerana wartawan peranti harus peka dan menghormati konteks budaya di mana latar berita tersebut berlaku dan dilaporkan.

Selain itu, wartawan seharusnya mengekalkan kesaksamaan serta mengelakkan sifat berat sebelah bagi apa jua bentuk maklumat samada yang berkaitan dengan latar wartawan itu sendiri atau sebaliknya dalam pelaporan berita

dan ini menjadi salah satu etika yang perlu dititikberatkan untuk menghasilkan berita yang tidak berat sebelah. Nilai ini amat penting dalam tuntutan mengeluarkan pelaporan yang pantas bagi mengelakkan risiko menerbitkan laporan berita yang bersifat tidak adil.

Justeru, wartawan peranti perlu mengamalkan tahap profesionalisme sejajar dengan kod etika kewartawanan sedia ada yang menekankan tentang kepentingan pelaporan yang benar, tepat, telus dan berdasarkan fakta. Selain itu, bagi menyokong kepada amalan kewartawanan yang beretika ini, inisiatif kerajaan dan pelbagai pihak termasuk industri media, institusi pendidikan yang

tampil dengan memperkenalkan buku panduan kewartawanan peranti iaitu MOJO Madani dapat membantu memberi garis panduan yang baik ketika membuat laporan berita menerusi kaedah MOJO.

Oleh yang demikian, kewartawanan peranti akan terus berkembang dan cabaran etika akan terus terjadi dan ini memerlukan wartawan untuk terus bersedia bagi mengekalkan standard yang tinggi dalam memastikan hasil berita yang berkualiti tinggi sejajar dengan etika kerjaya profesional sebagai barisan hadapan dalam penyampaian maklumat dan berita kepada dunia.



PERANAN MEDIA SOSIAL DALAM MEMBANTU MENINGKATKAN KUALITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI UNIVERSITI

Oleh : Nurul Nisha Mohd Shah

Sebagai seorang pensyarah di era digital ini, saya sedar betapa pentingnya peranan yang dimainkan oleh media sosial dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Pelbagai platform media sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram, YouTube dan sebagainya telah menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian pelajar masa kini. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai pendidik untuk memanfaatkan media sosial ini bagi tujuan pendidikan.

Pertama, media sosial membolehkan interaksi dua hala yang lebih efektif antara pensyarah dan pelajar. Sebagai pensyarah, kita

Selain itu, media sosial juga membolehkan pembelajaran kolaboratif secara dalam talian. Pelajar boleh bekerjasama dalam kumpulan untuk menyiapkan tugas atau projek, berkongsi idea dan pandangan, serta memberi sokongan antara satu sama lain. Kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan dapat digilap melalui aktiviti sebegini. Malah, kolaborasi merentas institusi dan negara juga menjadi lebih mudah dengan adanya media sosial.

Namun begitu, penggunaan media sosial dalam pendidikan perlu dilakukan secara berhemah dan bertanggungjawab. Pensyarah perlu memberi



boleh berkongsi bahan pembelajaran seperti nota kuliah, video, artikel, dan sebagainya dengan mudah melalui platform ini. Pelajar juga boleh bertanya soalan, memberi maklum balas dan berdiskusi secara langsung dengan pensyarah mahupun rakan sekelas mereka. Situasi ini dapat meningkatkan penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran dan menjadikannya lebih interaktif dan menarik.

Kedua, media sosial menyediakan akses kepada pelbagai sumber maklumat dan pengetahuan tanpa sempadan. Pelajar boleh meneroka bahan bacaan tambahan, mengikuti perkembangan terkini dalam bidang pengajian mereka, serta berhubung dengan pakar-pakar dalam pelbagai bidang dari seluruh dunia. Keadaan ini telah membuka ruang untuk pembelajaran sendiri (self-directed learning) dan memupuk budaya pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan pelajar.

panduan yang jelas kepada pelajar tentang etika dalam talian, penulisan ilmiah, hak cipta dan sebagainya bagi mengelak isu penyalahgunaan. Pelajar juga perlu bijak mengurus masa yang digunakan di media sosial agar tidak menjejaskan tumpuan terhadap pelajaran.

Kesimpulannya, media sosial merupakan alat yang sangat berguna dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran jika dimanfaatkan dengan betul. Ia memperkaya pengalaman pembelajaran, menggalakkan interaksi, perkongsian ilmu dan kolaborasi. Sebagai pendidik, kita perlu sentiasa peka dengan perkembangan teknologi dan bersedia untuk menerima inovasi dalam kaedah penyampaian ilmu. Dengan mengintegrasikan media sosial dalam pedagogi pendidikan, saya percaya kita mampu melahirkan modal insan yang berdaya saing dan bersedia mendepani cabaran masa hadapan.